

BURUNG TANPA SAYAP DI IRBID

Nurul Fatimah binti Abdul Rahman
Pusat Islam dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Pahang
nurulf@ump.edu.my

Kelihatan burung tanpa sayap berterbangan dan itulah ungkapan yang sentiasa disebut. Hampir disetiap laluan jalan raya pasti ada sampah berlonggok dan ada juga berterbangan. Sakit mata melihat dan seolah-olah tiada sivik dalam diri setiap masyarakat untuk menjaga kepentingan kebersihan. Tidak dinafikan, di dalam rumah orang Arab, mereka sangat menitikberatkan menjaga kebersihan. Masih ingat lagi, setiap kali ke rumah tuan rumah untuk membayar duit sewa, kelihatan rumah sangat kemas, teratur dan bersih. Masih ingat juga, orang Arab mengatakan orang Malaysia suka menggunakan air yang banyak dan basahkan lantai tandas. Disini sudah dapat dilihat, mereka sangat menjaga kebersihan dalam tandas. Pernah terfikir kenapa kawasan luar seperti jalan raya atau universiti kotor dipenuhi dengan plastik, cawan kertas dan puntung rokok. Tong sampah disediakan tetapi tidak menggunakan dengan betul seolah mereka tidak mempraktikkan kebersihan dalam rumah untuk dibawa ke luar rumah. Oleh itu, kami pelajar Malaysia mengambil inisiatif untuk menganjurkan gotong royong perdana Irbid. Irbid merupakan salah satu nama daerah di Jordan dan di situ tempat kami belajar.

Presiden Persatuan Mahasiswa Malaysia Irbid (PERMAI) telah mengambil inisiatif untuk membersihkan kawasan Irbid yang disertai oleh pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Universiti Yarmouk dan Universiti Sains dan Teknologi Jordan. Aktiviti ini bukan kali pertama dianjurkan bagi persatuan mahasiswa Malaysia di Irbid. Pengumuman telah dinaikkan dalam Facebook PERMAI dan para pelajar telah dibahagikan tempat untuk membersihkan kawasan yang telah ditetapkan. Jam 7.30 pagi pada hari Jumaat, para pelajar sudah mula bergerak ke tempat masing-masing berbekalkan plastik sampah. Hari Jumaat merupakan hari cuti di Jordan, oleh itu pagi cuti itu dimeriahi oleh suara-suara pelajar Malaysia yang sedang bergotong royong manakala penduduk Arab setempat sedang lena tidur menikmati hari cuti mereka. Kami bergotong royong dari jam 07.30 pagi sehingga jam 11.00 pagi kerana memberi peluang untuk kaum lelaki bersiap sedia solat Jumaat.

Sepanjang aktiviti berikut, tersebarnya gambar-gambar yang diambil oleh penduduk tempatan, netizen di sana memuji inisiatif pelajar Malaysia dan pada masa yang sama menggesa penduduk tempatan di kawasan berkenaan agar menjaga kebersihan dan menyertai program pembersihan berkenaan. Kegigihan kami bergotong royong telah mendapat liputan media negara Jordan iaitu The Jordan Times. Masyarakat tempatan juga memuji sikap yang diambil oleh pelajar Malaysia. “Tetamu membersihkan sementara penduduk hanya melihat” ujar penduduk tempatan disitu. “Sesungguhnya mereka melakukan apa yang sentiasa mereka lakukan di Malaysia. Aku sudah pergi ke Malaysia dan di sana sangat bersih” katanya penduduk Arab di sana.

Perasaan sangat seronok apabila kawasan lapang yang dahulu penuh dengan sampah, kini bersih dan sedap mata memandangi. Kami berharap aktiviti ini menimbulkan rasa kesedaran terhadap penduduk setempat. “Harap kekal dengan lama kebersihan ini dan penduduk tempatan dapat memeliharanya” ujar seorang pelajar Malaysia ketika selesai bergotong royong.

Kebanyakan perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat datang dari kumpulan minoriti yang mencipta pengaruh. Golongan ini berperanan penting membuat perubahan dengan cara membentuk fikiran kemudian masyarakat akan terima kesedaran. Harapan kami pelajar Malaysia dengan menganjurkan program sebegini serba sedikit menimbulkan kesedaran terhadap semua masyarakat bahawa kepentingan menjaga kebersihan. Bukan sahaja di negara luar dan paling utama bagaimana hendak diterapkan nilai tersebut untuk menjadikan tabiat di mana sahaja kita berada bahkan dinegara sendiri. Kebersihan sesebuah negara menjadi cerminan terhadap sikap penduduk negara tersebut. Negara bersih, rakyat harmoni.



Rajah 1: Gotong royong di kawasan kedai. Kedai berhadapan dengan pintu masuk bahagian Hijazi Universiti.



Rajah 2: Kawasan setingan penduduk Arab dan rumah sewa pelajar Malaysia setelah selesai gotong royong.